



MASALAH GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

DISEDIAKAN OLEH :

ROBERT ANAK ISA

SHAMSUL BIN HAILIN

ASMAH BINTI MOHAMMAD

MARK ANAK ANTHONY KAVAN

GERALDINE RINTA ANAK MATHEW ADING

DISEDIAKAN UNTUK :
ENCIK NICHOLAS AMIN

PENSYARAH THESIS (PAD 340)

KETUA KURSUS FAKULTI PENTADBIRAN

DAN UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI TENOLOGI MARA

SARAWAK

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	1
DAFTAR JADIJAL	II -111
ABSTRAK	IV
BAB I SINOPSIS	
1.1 Pengenaian	
1.2 Penyata Masalah	
L3 ObjektifKajian	4
1.3, I Objektif utnum	
1-3,2 Objektifkhusus	
L4 Skop Kalian	5
1-5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Had dan Batasan	
1.6. I Batasan penyelidik	
1.62 Batasan responden Seksual Di Tempat Kerja	9- 10

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan yang maha berkuasa kerana setelah bertungkus lumus dan mengharungi pelbagai rintangan akhirnya kami berjaya menyiapkan kertas kerja (thesis) ini tepat pada masanya. Di sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Flbagai pihak yang banyak membantu kami dalam menyelesaikan kenas kerja ini.

Pertama sekali ribuan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah Thesis (PAD 340) yang juga merangkap sebagai koordinator Fakulti Pentadbiran dan Undang•undang iaitu Encik Nicholas Amin yang telah banyak membantu kami semasa proses penyiapan thesis ini, Selain itu banyak-banyak ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada t*nyelia thesis kami iaitu Puan Baduyah Obeng Yang Juga banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada kumpulan kami semasa menyiapkan thesis im.

Selain itu berbanyak•banyak terima kasih juga kami ucapkan kepada responden-responden yang telah banyak memberikan kerjasama serta maklumatmaklumat penting untuk melengkapkan lagi thesis kami ini, Tanpa kerjasama daripada anda semua adalah satu perkata yang mustahil untuk menyelesaikan thesis ini kerana maklumat yang tepat dan pada merupakan salah satu elemen dalam sesebuah thesis yang baik.

Akhter sekali ribuan terima kasih kami ucapkan kepada semua pihak yang terlibat sarna ada secara langsung atau tidak langsung kerana tanpa pertolongan anda semua thesis ini sudah tentunya tidak akan dapat disiapkan tepat pada masanya dan untuk itu segala bentuk pertolongan anda adalah amat dihargai.

ABSTRAK

Kertas Ilmiah yang bertajuk Masalah Gangguan Seksual di Tempat Kerja ini adalah kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh para pekerja lelaki dan perempuan dalam menghadapi gangguan seksual dari rakan sekerja tidak kira lelaki ataupun wanita dalam menghadapi gangguan seksual dari rakan sekerja tidak kira di waktu pejabat ataupun bukan. Selain itu ia juga meninjau sejauhmana kefahaman dan keprihatinan masyarakat sekarang terhadap masalah gangguan seksual yang dari tahun ke tahun semakin meningkat bilangannya dilaporkan, Bukan itu sahaja kertas ilmiah ini juga cuba menghuraikan beberapa kategori-kategori tertentu batasan-batasan gangguan seksual ini di tempat kerja menurut kod undang-undang gangguan seksual yang baru diperkenalkan baru oleh Menteri Sumber Manusia Malaysia, Datuk Lim Ah Lek, baru-baru ini. Data dan maklumat yang diperolehi dari Data Primer dan Data Sekunder. Penganalisaan data dijalankan dengan menggunakan pakej "SPSS" dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, jadual serta gambarajah, Hasil daripada kajian ini didapati banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap peranan sebenar mereka dalam membasmi masalah yang sudah menjadi semakin serius ini, Di akhir penulisan kertas ilmiah ini disarankan beberapa cadangan yang boleh membantu Pihak yang terlibat untuk mengatasi masalah masalah yang berkaitan dengan gangguan seksual di tempat kerja,

SINOPSIS

1 . 1PENGENALAN

Apabila diperkatakan isu gangguan seksual masih ramai diantara kita yang hanya tersenyum memikirkannya Ada yang menganggapnya sebagai perkara biasa yang senang berlaku dalam pergaulan lelaki dan perempuan samada di tempat kerja, institusi pengajian tinggi (IPT), sekolah mahupun di tempat-tempat awam Malah kes ganguan seksual jarang kedengaran. jika ada laporan sekalipun tidak ada tindakan khusus berhubung kesalahan yang dikenakan memandangkan belum ada undang-undang atau akta berkaitan gangguan seksual di Malaysia.

Kini masalah yang berkaitan dengan gangguan seksual bukan lagi perkara yang boleh di pandang nngan selama Int , masalah tersebut sering kita dengar dari dalam masyarakat kita . setakat ini . perkara ini tidak diambil berat walaupun rarnai yang telah menjadt mangsa gangguan seks Apa yang membimbangkan sekarang ialah fenomena ini menjadi satu budaya yang akhirnya merumitkan sistem sosial negara di masa dan datang.

Tambahan pula . gangguan seks bukan hanya berlaku terhadap kaum wanite tetapi turut dialarni kaum lela,k' masa kini. Oleh sebab itu , masalah ini tidak lagi menjadi ism kaum wanita tetapi Bžrlu dilihat sebagai satu sindrom negatif yang wujud dalam sistem sosial masyarakat moden. Ia bukan sahaja melibatkan keselamatan mangsa tetapi meningealkan implikasi terhadap persekitaran dan produktiviti kerja mangsa .